

Siri
9



جاينز كمال جوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID

Aziz Haji Mohamad

Pengarah Kanan
Bahagian Dakwah JAKIM



KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID

AZIZ HAJI MOHAMAD

Pengarah Kanan
Bahagian Dakwah JAKIM



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

www.islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan risalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Pencetak:

Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor



KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	iv
SEULAS PINANG	v
PENDAHULUAN	1
FALSAFAH RAHMAH DALAM ISLAM	2
KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID	4
PERANAN MASJID BERKONSEP RAHMAH	7
MASJID RAHMAH SELARAS DENGAN INISIATIF PEMBANGUNAN LESTARI	10
PERANAN JAWATANKUASA DALAM MENJAYAKAN MASJID BERKONSEP RAHMAH	13
PENUTUP	18

SEKAPUR SIRIH

YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Alhamdulillah, saya merakamkan berbanyak kesyukuran pada Allah SWT kerana masih diberikan kesempatan untuk berada dalam nikmat Iman, Islam dan Ihsan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan tabi'in RA.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para penulis dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas usaha menyiapkan buku ini. Buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah sebanyak 10 buah tajuk ini tampil memberi pencerahan tentang konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam pelbagai disiplin kehidupan dan prinsip kenegaraan. Buku ini padat dengan fakta ilmiah dan penghujahan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith menurut epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia Baharu. Semoga harapan kita untuk memanifestasikan Malaysia Negara Rahmah menjadi kenyataan. Didoakan agar usaha ini juga menjadi amalan jariah untuk kita semua.

Mujahid Yusof





SEULAS PINANG

Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya buku *Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah* dapat diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini menghimpunkan 10 siri artikel yang ditulis oleh para ilmuwan terpilih bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diterapkan kerajaan. Ia membicarakan tentang Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* secara menyeluruh merangkumi konsep rahmah dalam kehidupan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, institusi keluarga, masyarakat majmuk, perundangan, sosioekonomi, pengurusan orang kelainan upaya (OKU), urusan muamalat, dan pengurusan institusi masjid. Uniknya, buku ini dikupas berdasarkan kepada dapatan kajian dan pengalaman para penulisnya sendiri.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi menjelaskan *Konsep Rahmatan Lil 'Alamin* kepada segenap lapisan masyarakat mengikut bahagian-bahagian yang ditulis. Semoga ia juga menjadi wacana dakwah yang berterusan untuk kita semua.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan penerbitan buku ini. *Jazakumullah khayral jazak.*

Sekian.

“Melebar Risalah Menyantuni Ummah”

Mohamad Nordin







PENDAHULUAN

Islam yang hadir bersama kerasulan Nabi Muhammad SAW membawa satu slogan besar yang menggambarkan matlamat dan gagasan utama agama ini. Meskipun dakwah dan aplikasi syariat dipersembahkan dalam pelbagai manhaj dan uslub asas gagasan ini tetap nyata diterapkan dan terpapar di segenap sudut pelaksanaannya. Allah SWT secara tegas menjelaskan matlamat perutusan Rasulullah SAW adalah sebagai suatu rahmat untuk seluruh alam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiyāa 21: 107:

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Apa juga gerak kerja dan aktiviti yang dipraktikkan di atas nama Islam wajar menjelmakan matlamat *Rahmatan Lil 'Alamin* untuk merealisasikan matlamat utama perutusan Nabi Muhammmad SAW.



FALSAFAH RAHMAH DALAM ISLAM

Rahmah atau Rahmat adalah kalimah Arab رَحْمَةٌ yang berasal dari akar kata (رَحِمَ يَرْحِمُ رَحْمَةً) yang membawa maksud kasih dan sayang. Jika dirujuk di dalam kitab suci Al-Quran, kalimah ini diulang sebutannya sebanyak 338 kali. Malah sifat Allah (الرَّحْمَنُ) ‘Yang Maha Pengasih’ dan (الرَّحِيمُ) ‘Yang Maha Penyayang’ berasal dari kalimah rahmat ini juga. Sifat rahmah atau kasih sayang merupakan anugerah Allah SWT yang sangat tinggi nilainya dan besar manfaat dalam kelangsungan hidup seluruh manusia dan sekalian makhluk secara umumnya. Jika dirujuk kepada perbahasan ilmiah rahmah ini boleh disuluh dari dua (2) sudut:

Pertama: Rahmah Umum

Inilah rahmat yang dilimpahkan oleh Allah SWT kepada sekalian makhluknya tanpa mengira sikap dan tindak balas mereka terhadapNya. Sesiapa pun menerima dan menikmati limpahan rahmat ini sepanjang hayatnya sama ada orang beriman atau orang kafir, yang taat atau derhaka tanpa terkecuali, meliputi semua makhluk yang hidup di dunia dan di akhirat. Contohnya rahmat kurniaan air, udara, cahaya, matahari, makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, anak, isteri, harta dan berbagai macam nikmat lagi yang tidak terhitung banyaknya.

Firman Allah SWT dalam Surah Ghafir 40: 7:

Terjemahan: “Wahai Tuhan kami! RahmatMu dan IlmuMu meliputi segala-galanya.”

Kedua: Rahmah Khusus

Rahmat yang diberikan secara khusus kepada hamba-hamba Allah yang beriman dan bertaqwa adalah kasih Allah yang khusus untuk mereka nanti di akhirat. Rahmat Allah yang khusus ini berbentuk hidayah dan taufik kepada mereka yang terpilih untuk menjadi hamba-Nya yang beriman dan menjalankan tuntutan syariat di dalam kehidupan di dunia.

Iniilah yang dimaksudkan oleh firman Allah SWT dalam Surah Al-Aa'raf 7: 156:

Terjemahan: ... dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang yang bertaqwa, dan yang memberi zakat, serta orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.



KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID

Masjid adalah tempat berhimpun umat Islam untuk menunaikan ibadah dan ritual agama di sesebuah kariah. Ia juga merupakan medan untuk sesebuah komuniti Muslim untuk menyampaikan dan menerima mesej dan maklumat selaras dengan taqwim kehidupan umat Islam. Masjid adalah simbol syiar yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam. Masjid adalah jantung hati dan nadi kehidupan umat Islam. Sewaktu peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah, perkara pertama yang menjadi agenda besar Rasulullah SAW ialah membina masjid di Quba' Madinah.

Masjid menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dan menyuburkan ukhuwah dalam kalangan Muhajirin dan Ansar. Masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang membentuk para sahabat menjadi para ilmu yang mampu menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat sekitar yang menerima Islam.

Sesungguhnya masjid adalah lambang perpaduan ummah dan mempunyai martabat yang cukup tinggi di sisi Allah SWT yang dibangunkan di atas dasar taqwa sebagaimana firman Allah SWT pada ayat berikut dalam Surah Al-Taubah 9: 108:

Bermaksud: Sesungguhnya Masjid (Qubaa') yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya

engkau sembahyang di dalamnya. Di dalam Masjid itu ada lelaki-lelaki yang suka menyucikan dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang Yang membersihkan diri.

Melihat kepada keperluan Gagasan Rahmatan Lil 'Alamin ini diterapkan dalam anjakan penyampaian dan pemerkasaan program di masjid. Perlu dijelaskan bahawa misi Gagasan Rahmatan Lil 'Alamin secara khusus untuk pengurusan masjid adalah 'Memacu Masjid mengikut acuan R.A.H.M.A.H melalui pengurusan qaryah yang efisien.

Acuan R.A.H.M.A.H. adalah suatu pendekatan yang mampu membantu memperjelaskan hala tuju pengurusan masjid dalam melaksanakan program-program pengimarahannya. Pendekatan secara ramah, aman, harmoni, mesra, alami dan hormat adalah acuan yang mampu menggalas matlamat gagasan *Rahmatan Lil Alamin* secara efisien.

R RAMAH : Pegawai, AJK dan jemaah masjid membudayakan sikap ramah, mesra, ceria, mudah bergaul dan beradab sopan dalam menyantuni masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

A AMAN : Masjid tampil sebagai Pusat Bimbingan, Ilmu, Pendidikan dan Kemasyarakatan yang aktif bagi mewujudkan suasana keamanan dan keadilan setempat (*Centre of Peace and Justice*) selaras dengan Maqasid Syariah.

H HARMONI : Sesuai sebagai ruang yang memberi ketenangan, masjid perlu dipastikan mampu memberikan suasana persekitaran yang harmoni, selesa, tenang dan nyaman. Ia menuju ke arah status pengimarahannya sebagai 'One Stop Centre dalam menjayakan aktiviti masyarakat.

M MESRA : Masjid dilengkapi dengan kemudahan dan prasarana yang mesra pelanggan termasuk kemudahan OKU dan menyantuni

orang bukan Islam yang datang sebagai tetamu. Di samping itu, aktif melaksanakan inovasi bagi memastikan keselesaan para jemaah dan masyarakat.

- A ALAMI :** mempraktikkan ‘Amalan Hijau’ bagi menjamin persekitaran yang lestari, bersih dan selamat seperti penggunaan tenaga lebih cekap dan efisien, menguruskan penggunaan air yang berhemah, mengguna pakai bahan atau peralatan produk hijau selaras dengan Prinsip Maqasid Syariah.
- H HORMAT :** Masjid menjadi pusat peradaban dan pembinaan insan yang menjadikan akhlak Islam sebagai cerminan ajaran Islam yang sebenar dalam mengamalkan sikap hormat-menghormati di antara anggota masyarakat berbilang kaum dan agama selaras Prinsip Maqasid Syariah.





PERANAN MASJID BERKONSEP RAHMAH

Masjid perlu kembali berperanan secara komprehensif dan efisien sebagaimana tujuan asal ia didirikan dalam Islam. Masjid adalah ruang untuk mensucikan diri, tempat tarbiah dan mendidik jiwa, ruang berzikir bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jika disorot menerusi lakaran sirah Rasulullah SAW, di zaman awal Islam di bumi Madinah, masjid bukan sekadar tempat para sahabat berkumpul mendirikan solat jemaah.

Masjid adalah pusat pentadbiran, pusat sosial masyarakat, pusat kegiatan ekonomi, aktiviti muamalat, pusat kaunseling, tempat memupuk iman dan ukhwa. Meskipun di zaman awal Islam Masjid Nabawi hanyalah binaan tiang dan bumbungnya dari batang dan pelepah tamar, dinding dibina dari susunan batu-batu pada kadar yang paling asas sahaja tetapi pengisiannya begitu hebat. Masjid inilah yang telah melahirkan insan-insan berjiwa besar seperti Umar Al-Khattab, Ubaidah Al-Jarrah, Saad Abi Waqas dan Ali bin Abi Talib R.Anhum.

Masyarakat hari ini amat mengharapkan kewujudan 'Masjid Pelbagai Fungsi' bagi melayani keperluan segenap sudut kehidupan yang berpandukan syariat, bukan sebagai tempat ibadah semata-mata. Justeru, masjid perlu diperkasakan fungsinya bagi menjamin kelangsungan peranannya sebagai medan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang melambangkan rahmah.

Di antara fungsi-fungsi masjid yang perlu diperkasakan ialah:

A. Gerbang Majlis Ilmu

Dalam menghadapi cabaran hidup masa kini, setiap individu dalam masyarakat perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu yang tepat dan bermanfaat. Di sinilah peranan masjid dituntut untuk menyediakan pelbagai bentuk pengajian ilmu dan pendidikan yang mampu membantu masyarakat memenuhi keperluan ini.

Di samping kuliah-kuliah pengajian dan ceramah sedia ada, pihak masjid perlu memastikan kepelbagaian disiplin ilmu yang disampaikan mencakupi keperluan ilmu asas fardu ain dan fardu kifayah. Di samping itu ilmu-ilmu dan kursus-kursus kemahiran hidup wajar juga diberi ruang untuk dianjurkan di masjid seperti kursus Bahasa Inggeris, kursus kemahiran pengurusan dan perniagaan, bengkel jahitan untuk wanita, kelas taekwando untuk remaja dan sebagainya.

Dengan langkah-langkah pemeraksanaan ini masjid akan bangkit menjadi sebuah institusi agama yang dekat di hati masyarakat dan berjaya membangunkan budaya ilmu dalam kalangan ahli kariah.

B. Khidmat Komuniti

Realitinya masjid sememangnya menjadi tempat mengadu mereka yang kesempitan dan memerlukan bantuan. Selaras dengan realiti itu, masjid sewajarnya mampu menyalurkan bantuan secara berkesan sesuai dengan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh para penyumbang dan penderma ke tabung-tabung masjid. Justeru, masjid perlu menjadi tempat penyaluran bantuan yang sistematik dan proaktif dalam menyempurnakan tanggungjawab ini.

C. Pusat Kaunseling dan Runding cara

Masjid hendaklah menjadi pusat rujukan kaunseling dan runding cara bagi membantu masyarakat sekeliling menyelesaikan masalah-masalah



kehidupan yang mereka hadapi pada hari ini. Kaunseling dan bantuan khidmat nasihat agama ini adalah satu keperluan yang tidak boleh diabaikan dalam kehidupan umat Islam hari ini. Dengan suasana kehidupan yang semakin mencabar, segala kemungkinan buruk boleh berlaku jika mereka tidak diberi panduan dan nasihat.

Masalah keluarga, konflik rumahtangga, gejala sosial dan keruntuhan moral perlu ditangani oleh pihak masjid dengan menyediakan ruang kaunseling dan rundingcara. Di samping memberi khidmat nasihat dan panduan, mereka juga boleh dipimpin untuk lebih mesra dengan masjid dan dididik untuk berdisplin dengan hidup berlandaskan syariat. Semua ini adalah perkara-perkara yang mampu dijayakan oleh pihak masjid dengan kelengkapan dan kemahiran para pegawai yang sedia ada.





MASJID RAHMAH SELARAS DENGAN INISIATIF PEMBANGUNAN LESTARI

Hari ini, masyarakat dunia di segenap penjuru dunia semakin terpenggil untuk menerapkan konsep pembangunan lestari atau disebut *Sustainable Development Goals* yang digerakkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mensejahterakan bumi. 17 Inisiatif yang dibangunkan meliputi keseluruhan makhluk termasuk manusia, haiwan, flora dan fauna. Masjid sebagai tempat ibadah umat Islam tidak tertinggal untuk menjadi tempat yang kondusif dan menjaga kelestarian alam. Oleh sebab itu, sabab satu akronim yang terangkum dalam RAHMAH iaitu Alami.

Di peringkat antarabangsa, Masjid Shaykh Zayed di Abu Dhabi yang mengetengahkan konsep penghijauan dengan mewujudkan persekitaran masjid yang dikelilingi taman-taman yang indah, pokok-pokok serta kolam. Kerajaan Qatar juga menetapkan setiap masjid yang akan dibina di negara tersebut haruslah berasaskan model mesra alam, dan mampu menjimatkan air serta tenaga.

Di samping itu juga, projek Masjid Cambridge di United Kingdom, turut menitikberatkan konsep bumbung hijau yang membolehkan pencahayaan semula jadi daripada langit secara terus, tenaga yang dijana oleh pam haba daripada sumber tanah dan juga mewujudkan taman komuniti (community garden) ke arah mencapai nilai ‘zero footprint’.

Di persisiran bandar Norderstedt di utara Jerman, masjid yang dibina memasang turbin angin di kedua-dua menara setinggi 22 meter untuk menjana tenaga elektrik. Menara di masjid ini tidak lagi berfungsi secara praktikal untuk memanggil umat Islam bersolat, sebaliknya simbol kepada budaya Islam ini telah diubah sesuai dengan peredaran zaman moden.

Di Afrika, 40,000 masjid di Eutopia melakukan penanaman 5,000 pokok dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sebahagian daripada masjid tersebut akan menjadi masjid eco, yang mewujudkan “*woodlots*” dalam usaha untuk menjadi berdikari dari segi bekalan bahan api mereka. Setiap masjid eco tersebut akan mempunyai kelab menanam pokok tersendiri yang menjalankan bengkel dan Hari Pokok Tahunan sebagai sebahagian daripada satu usaha yang luas untuk memimpin dan mendidik masyarakat 7 tentang alam sekitar.

Melihat kepada negara jiran kita, Masjid Al-Mawaddah di Singapura juga mempunyai ciri-ciri kehijauan seperti tiub solar jimat elektrik yang memberi cahaya terus dari langit, atap yang dihiasi dengan taman, lampu sensor gerak, dan paip yang dipasang dengan alat kawalan aliran air. Ia juga mempunyai *green wall* yang menyuntik rasa ketenangan dan keindahan di dalam dewan solat.

Di Malaysia, Masjid Raja Hafi Fisabilillah, Cyberjaya antara masjid yang terkehadapan dalam melaksanakan konsep pembangunan lestari ini. Daripada penggunaan air sehinggalah kepada reka bentuknya, hampir keseluruhan masjid bernilai RM35 juta itu bercirikan teknologi hijau yang memberikan suasana berbeza berbanding masjid lain. Ia juga lebih menjimatkan dari segi kos operasi seperti air dan elektrik.

Dibina di tapak seluas 40.4 hektar yang turut menempatkan kampus Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya – kompleks masjid itu juga

dilengkapi enam unit kuarters kakitangan masjid dan dewan pelbagai guna yang boleh digunakan untuk jamuan kenduri kahwin dan sukan dalam dewan. Ia boleh memuatkan 800 orang pada satu-satu masa.

Selain kuarters yang diilhamkan dengan kehidupan kampung dengan halaman berkongsi yang boleh digunakan untuk tanaman sayuran dan buah-buahan, kompleks masjid turut dilengkapi kawasan bagi menguruskan daging korban, pejabat dan bazar bagi jualan pada hari Jumaat.

Kubah kaca yang ditempatkan di bumbung ruang solat utama menggunakan dua panel kaca pancaran rendah (LE) yang diimpit dengan ukiran seramik yang berfungsi bukan sahaja untuk mengindahkannya binaan masjid itu, tetapi bagi menghalang pancaran terus matahari.

Udara panas akan keluar menerusi ventilator di bawah puncak kubah itu yang mengeluarkan udara yang terperangkap dan mengurangkan suhu di ruang solat utama.

Suhu di kawasan dalam ruang solat dijangka hanya sekitar 26 darjah dengan bantuan kipas. Sistem penghawa dingin yang menggunakan tenaga rendah direka untuk kegunaan kira-kira dua jam semasa solat Jumaat, Aidilfitri dan Aidiladha serta acara sambutan seperti Ramadan.

Masjid ini boleh dijadikan model bangunan yang menepati Piawaian Bangunan Hijau (GBI) berikutan penggunaan bahan kitar semula dan peralatan yang menjimatkan tenaga yang sekali gus mengurangkan kos.






PERANAN JAWATANKUASA DALAM MENJAYAKAN MASJID BERKONSEP RAHMAH

Ahli Jawatankuasa Masjid yang dilantik perlu berperanan mengurus pentadbiran masjid, menjayakan program-program pengimaran dan takmir masjid, menyelia keceriaan dan kebersihan dalaman dan persekitaran masjid di samping menyelaras urusan kematian dan pengurusan tanah perkuburan Islam.

Kejayaan membangunkan Masjid Berkonsep Rahmah dapat dinilai dari tiga (3) aspek asasnya, iaitu:



Gabungan kejayaan ketiga-tiga fungsi akan membentuk suasana masjid yang harmoni dan memenuhi tuntutan ciri-ciri Masjid Berkonsep Rahmah. Berikut adalah penjelasan lanjut mengenai tiga perkara di atas;

A. Fizikal Masjid

Ahli Jawatankuasa dan Pegawai Masjid perlu memastikan kelestarian fizikal dan infrastruktur masjid dengan ciri-ciri selamat, selesa, mesra, dan mudah didekati oleh segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada golongan dewasa, remaja, kanak-kanak dan OKU.

Ini termasuk menyediakan segala keperluan dalam menyantuni mereka seperti ruang parkir, laluan khas dan tandas OKU, kerusi roda, kemudahan kerusi solat dan sebagainya.

Sewajarnya, fizikal masjid dan peranannya perlu diperkasakan secara optimum untuk memberi gambaran sebenar tentang kesyumulan Islam. Ia perlu diberikan perhatian dan diselenggara dengan baik sesuai dengan kedudukannya sebagai rumah Allah. Justeru setelah masjid dibina, ia perlu dibersihkan, diperindahkan dan dikawal selia dengan baik untuk menyediakan ruang yang selesa buat semua. Inilah yang ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W. melalui hadis yang diriwayatkan Abi Daud bahawa Aisyah RHa. berkata:

Bermaksud: Rasulullah SAW menyuruh membina masjid-masjid di kawasan penempatan dan menyuruh supaya masjid-masjid itu sentiasa dibersihkan dan diharumkan.

Bangunan dan segala kemudahan masjid perlu sentiasa dijaga dan diselenggara dengan baik sepanjang masa. Sebarang kerosakan sama ada kecil mahu pun besar perlu segera diperbaiki. Di samping itu, faktor kebersihan dan keceriaan masjid perlu diselia dan dipertingkatkan kualitinya dari semasa ke semasa. Semua ini perlu dijayakan dengan sempurna oleh setiap warga AJK dan petugas masjid bagi memastikan masjid mampu memberikan ketenangan kepada setiap pengunjungnya



sesuai dengan realitinya sebagai rumah Allah dan tempat beribadah umat Islam.

B. Pengimarahkan Masjid

Sebenarnya gagal atau berjaya pengimarahkan sesebuah masjid adalah bertitik tolak daripada kefahaman umat Islam sendiri tentang ajaran Islam dan tahap keimanan mereka. Kemeriahan dan kesuraman pengimarahkan masjid dan surau juga adalah lambang iman para pentadbirnya. Semua ini jelas dinyatakan oleh Allah SWT di dalam ayat 9: 18 Surah Al-Taubah yang banyak menjadi hiasan di dinding-dinding masjid :

Maksudnya: Sesungguhnya hanya yang berjaya mengimarahkan masjid-masjid Allah adalah orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat sedang dia tidak gentar selain kepada Allah. Maka mereka inilah yang diharapkan menjadi dari kalangan mereka yang mendapat petunjuk.

Kerjasama di antara Ahli Jawatankuasa masjid, kakitangan dan anak kariah perlu dijana untuk menjayakan setiap program dan aktiviti secara berkesan demi menyemarakkan syiar Islam di rumah Allah. Rasa bersama dan kesediaan bekerjasama akan membentuk perpaduan dan kesatuan hati umat Islam setempat.

Konsep masjid sentiasa di hati sepatutnya menjadi slogan setiap warga ahli kariah agar masjid dikunjungi setiap muslim sekitarnya. Usaha dibiarkan masjid-masjid yang tersergam indah sepi tanpa kunjungan. Dengan semua usaha ini kita yakin institusi masjid akan kembali meriah sepertimana yang pernah terjadi di zaman kegemilangan Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW 1400 yang lalu.

Bagi mencapai matlamat ‘Masjid Berkonsep Rahmah’ program-program pengimarahkan masjid perlu mengenalpasti golongan sasar yang

ingin disantuni. Sudah pasti setiap masjid akan dikunjungi oleh semua peringkat dan golongan termasuk orang dewasa, kanak-kanak, remaja, kaum wanita dan pesara. Pengimarah masjid perlu melayani keperluan dan kecenderungan setiap kelompok dengan pendekatan yang tepat dan betul.

Sebagai contoh, bagi menjayakan program remaja ‘Rakan Masjid’ pihak masjid perlu memuatkan pengisian-pengisian program yang sesuai dengan jiwa mereka dan mengundang ikon-ikon yang mampu menarik minat mereka untuk menyertai program ini. Tidak sekadar ceramah dan kuliah dalam bentuk sehala malah boleh dipelbagaikan agar semua mereka merasa disantuni dan dihargai. Malah tidak salah jika setiap peserta diberi peluang bersuara dan memberikan pandangan dan perkongsian yang bermanfaat buat semua.

Manakala program-program harian dan bulanan yang melibatkan kuliah pengajian, ceramah dan tazkirah perlu diberi nafas baru dan mencakup semua disiplin ilmu yang perlu agar benar-benar berfungsi dalam menyalurkan ilmu dan mendidik masyarakat. Masjid juga perlu dikenali sebagai pusat komuniti sosial yang menangani setiap masalah kekeluargaan dan kemasyarakatan dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling percuma bagi membendung gejala-gejala tidak sihat dan negatif.

Pihak-pihak berkuasa tempatan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga diundang untuk mengadakan seminar dan kempen yang berkaitan contohnya keselamatan jalan raya, pencegahan jenayah, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya yang difikirkan bermanfaat khususnya kepada umat Islam.



C. Pentadbiran Masjid

Para pentadbir masjid dari kalangan pegawai dan AJK juga perlu sentiasa melestarikan sikap-sikap yang baik bagi menjamin pengurusan dan pertadbiran yang efisien, antaranya;

1. Mesra dan bergaul baik sesama mereka dan para jemaah yang hadir ke masjid.
2. Senyum dan bermanis muka untuk mempamerkan wajah dan gaya mengalu-alukan kehadiran mereka di masjid.
3. Berlapang dada untuk sentiasa menjadi pendengar yang baik dan menerima teguran.
4. Prihatin terhadap keperluan semua jemaah dan persekitaran masjid dan bertindak segera dalam menyelesaikan apa juga masalah.





PENUTUP

Masjid Berkonsep Rahmah’ adalah suatu usaha mengembalikan peranan masjid sebagaimana selayaknya. Ia juga berasaskan gagasan pentadbiran Islam di era Malaysia Baharu yang diperkenalkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). Ia perlu disusuli dengan garapan perancangan dan tindakan yang teratur bagi menyempurnakan usaha murni ini.

Meskipun pengimarah masjid adalah tanggungjawab semua kaum muslimin ahli kariah di sekitarnya namun peranan dan fungsi masjid perlu diperkasakan dengan pelbagai program dan aktiviti yang melayani semua peringkat umur masyarakat Islam setempat. Setelah itu, rasa bersama dan semangat bekerjasama di antara pengurusan masjid dengan ahli kariah perlu dipupuk untuk memastikan kejayaan merealisasikan ‘Masjid Berkonsep Rahmah’ ini.

KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID

'Masjid Berkonsep Rahmah' adalah suatu usaha mengembalikan peranan masjid sebagaimana selayaknya. Ia juga berasaskan gagasan pentadbiran Islam di era Malaysia Baharu yang diperkenalkan oleh YB Menteri di jabatan Perdana Menteri (Agama). Ia perlu disusuli dengan garapan perancangan dan tindakan yang teratur bagi menyempurnakan usaha murni ini. Meskipun pengimarahannya adalah tanggungjawab semua kaum muslimin ahli kariah di sekitarnya namun peranan dan fungsi masjid perlu diperkasakan dengan pelbagai program dan aktiviti yang melayani semua peringkat umur masyarakat Islam setempat. Setelah itu, rasa bersama dan semangat bekerjasama di antara pengurusan masjid dengan ahli kariah perlu dipupuk untuk memastikan kejayaan merealisasikan 'Masjid Berkonsep Rahmah' ini.

Semoga kertas ini mampu menjadi asas percambahan minda yang mampu dijadikan rujukan dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dalam usaha memertabatkan institusi masjid dan keluhuran agama, seterusnya menjamin keharmonian hidup dan memberikan manfaat terhadap umat Islam khususnya dan manusia seluruhnya selaras gagasan Rahmatan Lil 'Alamin yang diperjuangkan.



جايٲن كماءان اسلام ملسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA